



PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

BILL:

The Supply Bill, 1964—

Committee of Supply (Eleventh Allotted Day)—

Heads S. 25 to S. 28; S. 66H, S. 67K and S. 67L
[Col. 4293]

Heads S. 29 to S. 38; S. 65J, S. 65K, S. 65L; S. 66J,
S. 66K; S. 67F, S. 67G, S. 67S and S. 67AB
[Col. 4317]

Heads S. 39, S. 40; S. 65M; S. 66R; and S. 67T
[Col. 4376]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Fifth Session of the First Dewan Ra'ayat

Tuesday, 7th January, 1964

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Internal Security and Minister of the Interior, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister of Education, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister of Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.D.K. (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting, DATU MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF, P.D.K. (Jerai).
- „ the Assistant Minister of Rural Development (Sarawak), ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K. (Krian Laut).

- The Honourable ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungai Patani).
- „ TOH MUDA HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ ENCHE' AWANG DAUD BIN MATUSIN (Sarawak).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIA THYE POH (Singapore).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- „ ENCHE' DAGOK ANAK RANDEN (Sarawak).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ DR GOH KENG SWEE (Singapore).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
- „ ENCHE' HO SEE BENG (Singapore).
- „ ENCHE' STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' HONG TECK GUAN (Sabah).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).

- The Honourable ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN HAJI KASSIM (Kuala Trengganu Selatan).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN (Sarawak).
- „ ENCHE' JHUMAH BIN SALIM (Sabah).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ ENCHE' KOW KEE SENG (Singapore).
- „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
- „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' CHARLES LINANG (Sarawak).
- „ ENCHE' LING BENG SIEW (Sarawak).
- „ ENCHE' LIM KIM SAN (Singapore).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ O. K. K. HAJI MAHALI BIN O. K. K. MATJAKIR, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. DUN BIN BANIR, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR (Sarawak).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ ABANG OTHMAN BIN ABANG HAJI MOASILI (Sarawak).
- „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ ENCHE' SONG THIAN CHEOK (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johor Tenggara).

- The Honourable ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' TOO JOON HING (Telok Anson).
- „ PENGHULU FRANCIS UMPAU ANAK EMPAM (Sarawak).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' WEE TOON BOON (Singapore).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

- The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Information and Broadcasting, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Health, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ ENCHE' ABDUL RAHIM ISHAK (Singapore).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ O. K. K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN (Muar Selatan).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ ENCHE' JEK YEUN THONG (Singapore).
- „ ENCHE' LEE KUAN YEW (Singapore).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LIM HUAN BOON (Singapore).
- „ ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).

The Honourable DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K.
(Pasir Mas Hulu).

- „ ENCHE' PETER J. MOJUNTIN, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' ONG PANG BOON (Singapore).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN WOK (Singapore).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' S. RAJARATNAM (Singapore).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, J.P.
(Rembau-Tampin).
- „ DATU DONALD ALOYSIUS STEPHENS, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ DR TOH CHIN CHYE (Singapore).
- „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED, K.M.N. (Kemaman).
- „ ENCHE' YONG NYUK LIN (Singapore).

PRAYERS

(Mr Speaker in the Chair)

BILL

THE SUPPLY BILL, 1964

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Eleventh Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Heads S. 25, S. 26, S. 27, S. 28, S. 66H, 67K and S. 67L—

Resumption of debate on Question:

That the sums of \$215,952 for Head S. 25, \$9,461,529 for Head S. 26, \$3,014,665 for Head S. 27, \$7,256,163 for Head S. 28, \$1,394,255 for Head S. 66H, \$1,117,361 for Head S. 67K and \$725,911 for Head S. 67L stand part of the Schedule.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, menyambong ucapan saya pada malam sa-malam saya mengkaitkan keluaran Filam Negara, dan saya mengeshorkan lagi supaya Filam pendidekan juga harus di-banyakkan oleh Kementerian yang berkenaan, kerana saya tahu lain daripada yang di-buat oleh kursus tata-ra'ayat penayangan Filam ini-lah yang dapat memberi pelajaran kepada orang ramai di-dalam negeri ini. Saya

perchaya, Tuan Pengerusi, fahaman² ra'ayat kita di-seluruh negara kita ini akan dapat satu pegangan dan hakikat mengenai keadaan di-negara kita yang menjalankan demokrasi yang baik. Sa-lain daripada itu saya suka menyentoh sedikit. Tuan Pengerusi, di-dalam Jabatan Penerangan ia-itu pegawai² sementara di-dalam jabatan itu pada masa ini boleh di-katakan sangat banyak. Jadi, saya mengeshorkan kepada Kementerian Yang Berhormat Menteri supaya menimbangkan pegawai² sementara itu di-jadikan pegawai yang tetap. Sungguh pun masaalah itu ada hubungan-nya dengan masaalah Pejabat Perjawatan Persekutuan, saya fikir, Menteri Yang Berhormat akan dapat memberi sa-suatu bagi faedah pegawai² dan kaki-tangan pejabat itu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh sedikit masaalah kereta Pejabat Penerangan. Kereta Pejabat Penerangan sa-hingga hari ini kadang² tidak menchukupi, saya mengeshorkan kepada Kementerian Yang Berhormat supaya menambah kereta pejabat itu untuk memberi penerangan kepada tiap² kampung lebeh² lagi di-tempat² yang memerlukan penerangan, kerana saya faham pada masa ini ada Pejabat Penerangan yang maseh menggunakan kereta yang telah berumur lebeh daripada 15 tahun, boleh jadi bila kereta² itu rosak penayangan Filam itu tidak dapat di-jalankan oleh pejabat itu.

Saya mengeshorkan kepada Yang Berhormat masaalah itu patut-lah di-kaji dan di-timbangan pada tahun yang akan datang ini. Akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, saya shorkan supaya soal Malaysia di-perhebatkan lagi bagaimana yang telah di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat yang dahulu daripada saya tadi. Kalau pada hari ini chuma di-dengar dua buah lagu sahaja yang memberikan semangat dalam masa konfrantasi, jadi, kalau dapat di-tambah lagi satu dua lagu, sebab saya fikir pancharagam Radio Malaysia tentu-lah boleh menolong atau banyak ahli² seni di-Persekutuan ini yang boleh menolong Kementerian sa-kira-nya di-minta pertolongan dan bantuan mereka itu. Dan kita faham Suara Malaysia ini tujuan-nya menumpukan kepada negara tetangga kita, tetapi saya mengeshorkan dan saya memohon pertimbangan daripada Kementerian ini supaya dalam ranchangan (programme) Radio Malaysia itu sendiri di-masokkan satu ranchangan sa-akan² Suara Malaysia, sebab kita tahu kadang² kita tidak dapat dengar Suara Malaysia itu yang banyak-nya ia-lah di-buka programme di-sini sahaja. Jadi kalau dalam masa programme Radio Malaysia ini di-buat di-adakan satu masa menyarankan Suara Malaysia, sebab kita di-sini pun mahu penjelasan yang lebeh tetap.

Saya menyokong chadangan supaya masa warta-berita yang 10-15 minit itu di-lebuhkan sadikit.

Akhir sa-kali, saya menguchapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana mengadakan talivishen. Saya tidak ada perasaan kedaerahan sa-bagaimana yang saya katakan saya ada-lah ra'ayat Malaysia. Berkenaan dengan talivishen ini di-Pantai Barat akan di-timbangan 6 bulan lagi dan di-Pantai Timor akan di-timbangan oleh Kementerian. Jadi saya fikir kita buat sa-kata sahaja-lah, ambil satu sana dan satu di-sini dalam bahagian meletakkan pемancharan. Saya sungoh sedar kesulitan Kementerian ini kalau sa-kira-nya mengadakan apa yang saya katakan, tetapi timbangkan ra'ayat di-Sarawak dan Sabah mahu juga menengok talivishen. Kalau saya di-Pantai Timor dapat, maka sahabat

saya wakil Dungun pun dapat juga. Ini-lah yang saya memohon pertimbangan kepada Yang Berhormat Menteri.

Enche' D. R. Seenivasagam (Ipoh): Mr Chairman, Sir, may I seek clarification and permission to speak in Tamil? Do I have permission to speak in Tamil, Sir?

Mr Chairman: No.

Enche' D. R. Seenivasagam: Thank you, Sir. Mr Chairman, Sir, yesterday I spoke on an important matter in respect of television under Head S. 27, when I made certain observations asking for more time for the Tamil language on television. Since I spoke yesterday, more representations have been made to me. On the reply given by the Honourable the Assistant Minister of Labour, the explanation was so puerile—"You have no right to ask for Tamil, because you do not speak Tamil." The position is that I do speak Tamil, and even if not good Tamil, I know enough Tamil, for example, to say a few words, which have been used in this House so often at this meeting, to say to the Honourable Assistant Minister, if I could use Tamil—(I could translate it)—"You are a traitor to the language, the culture and the heritage of the Tamils." That I could say in Tamil to the Assistant Minister of Labour, and much more. However, I rise to say that the reply given was so unsatisfactory. It says that it is being looked into and it will be put right. The question I ask, and which I say the Tamil speaking section of this country demand, is: "When is it going to be put right; why was it not put right from the very beginning; why was this language sacrificed; why was this language subordinated, when all the other languages have been given fair and equal time on television?"

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): *Bangun.*

Mr Chairman: Tolong pendekkan.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Mudah²an. Saya hendak berchakap berkenaan dengan Siaran Perniagaan di-muka surat 247. Saya suka menarek perhatian ia-itu kerap-kali saya mendengar siaran radio,

banyak sangat di-ganggu oleh siaran² perniagaan ini, dengan menyelit²kan siaran perniagaan kapada satu² ranchangan daripada satu lagu ka-satu lagu. Sungguh pun ini ada-lah perkara biasa, tetapi apa yang saya hendak terangkan di-sini ia-lah menyelit²kan siaran perniagaan antara warta-berita dengan lagu biasa sa-lepas warta-berita. Saya pernah waktu tengah hari dengar habis sahaja siaran warta-berita, belum keluar lagu, umpama-nya lagu Malaysia-kah atau lagu march-kah, keluar dahulu berita rokok Solent dan lain². Ini chukup tidak sedap. Jadi terganggu sangat siaran rasmi itu oleh kerana terlalu banyak menyelit²kan siaran perniagaan di-dalam radio ini. Kita berpuas hati-lah bahawa pehak Radio Malaysia banyak mendapat wang daripada hasil siaran perniagaan ini, tetapi kalau terlalu banyak mengejar wang, sa-hingga merosakkan siaran yang tidak sa-patut-nya di-rosakkan, maka ini pun tidak baik juga. Ini patut-lah menjadi perhatian kapada pehak yang berkenaan ia-itu kapada Pengurus Bahagian Perniagaan atau Kementerian yang berkenaan supaya jangan-lah siaran² rasmi Kerajaan terlalu banyak di-selangi dengan siaran perniagaan sa-hingga sampai merosakkan bentok asli-nya.

Sekarang saya hendak berchapak tentang Alat² Muzik di-Pechahan Kepala 20. Pada tahun 1963 di-untokkan sa-banyak \$3,350 dan pada tahun 1964 di-untokkan sa-banyak \$4,100. Nampak-nya telah menjadi kelaziman tiap² tahun ada sahaja peruntokan alat² muzik. Apa-kah alat² muzik yang di-beli itu sudah rosak, atau sa-tahun sahaja dapat di-gunakan dan pada tahun hadapan di-ganti? Saya rasa alat² muzik ini kalau di-jaga betul² sa-kali beli itu memang tahan dua tiga tahun, kechuali orang yang memakai itu chuai atau sa-bagai-nya. Jadi menguntokkan tiap² tahun beribu² ringgit ini ada-lah satu perkara yang ganjil. Kementerian ini pada masa yang akan datang hendak-lah berfikir sedikit untuk menjimatkan wang ra'ayat ini supaya jangan di-habiskan untuk alat² muzik yang peruntokan-nya di-adakan tiap² tahun—entah kerana apa?

Sekarang saya berbalek kapada Pengarah di-muka 246. Saya suka menarek perhatian Menteri yang berkenaan tentang siaran radio Kelantan. Kami di-Kelantan berterima kaseh kapada Kementerian ini kerana mengadakan ruangan khas kerana siaran radio Kelantan dan Trengganu yang di-adakan pada tiap² petang itu, tetapi apa yang saya hendak chakapkan di-sini ia-lah masaalah programme itu. Warta-berita-nya pun kadang² terlalu singkat dan satu dua berita yang di-siarkan-nya itu pun pernah di-siarkan dalam siaran kebangsaan. Hendak katakan chakap-nya dalam bahasa Kelantan tidak juga Kelantan sangat chakap-nya. Saya tidak tahu apa-kah motif (motive) yang sa-benar-nya mengadakan siaran radio Kelantan ini? Kalau sa-mata² hendak memberi hiburan, maka dengan lagu² siaran kebangsaan sudah chukup memberi hiburan, hendak menyiarkan berita² daerah, berita daerah yang di-siarkan itu tidak menchukupi. Sa-lain daripada dapat-lah sa-tengah² orang mengatakan bahawa di-adakan siaran khas bagi Kelantan dan Trengganu itu ada-lah siaran politik. Saya tidak mahu menyertai sangat mengatakan siaran politik itu, tetapi pada satu masa saya pernah mendengar ada satu siaran Berdiker Barat—Berdiker Barat ini, Tuan Pengerusi, ia-lah satu daripada kesenian orang Melayu di-Pantai Timor, terutama-nya Kelantan. Dalam siaran Berdiker Barat ini 100 peratus dalam siaran itu memuji Kerajaan Perikatan dan menghentam Kerajaan Negeri Kelantan. Boleh-kah satu alat negara di-benarkan orang menggunakan satu siaran untuk menghentam sa-buah Kerajaan lain dan memuji Kerajaan lain. Saya fikir ini tidak kena pada tempat-nya. Ini-lah yang boleh orang menudoh bahagian penerangan dan radio ini sa-bahagian daripada-nya menggunakan alat negara untuk kepentingan politik.

Sa-perkara lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan talivishen. Saya hendak berchapak sedikit dalam masaalah talivishen ini ia-itu patut-lah bahagian talivishen yang baharu di-tubuhkan ini berpandu sedikit sa-banyak kapada rungutan dan keritik²

yang sihat yang di-kemukakan oleh orang² di-Singapura. Di-Singapura sudah timbul keritik² yang sihat yang menyatakan bahawa sa-bahagian besar talivishen ini tidak mencherminikan keadaan masharakat di-tanah ayer kita yang sa-benar-nya, sebab banyak di-siarkan filem² berkenaan dengan hal dunia luar negeri dan yang kedua-nya siaran bahagian Melayu terlalu sadikit, barangkali di-Tanah Melayu mudah²an tidak begitu. Sungguh pun begitu patut-lah di-ambil perhatian, dan sa-berapa boleh ranchangan itu mesti-lah yang bersifat menghidupkan semangat chintakan tanah ayer, chintakan bangsa dan yang membangkitkan rasa ber-ugama. Jadi jangan-lah dalam siaran radio sa-mata² ada pelajaran ugama dan sa-bagai-nya, tetapi dalam talivishen pun mahu juga ada benda itu.

Muka 261, Tuan Pengerusi—ini hendak chepat—saya suka hendak menarek perhatian Kementerian ini tentang menggunakan alat negara untuk kepentingan politik dalam pilehan raya. Saya mula² sa-kali hendak ucapkan tahniah dan terima kaseh kepada Pengarah Perkhidmatan Penerangan. Pada satu masa saya dapat khabar di-dalam satu kursus Pegawai² Penerangan di-Kuantan, beliau telah memberi amaran keras kapada orang bawah-nya supaya jangan menjadikan diri mereka alat parti politik, jangan-lah menjadikan diri-nya alat untuk mempengaruhi orang ramai kapada satu² parti politik. Dan saya perchaya oleh sebab Pengarah ini mengeluarkan amaran saperti itu ia-lah oleh sebab ada kejadian hal² yang demikian berlaku, dan ini patut-lah di-beri kepujian kapada Pengarah itu, tetapi apa yang berlaku? Pengarah sahaja nampak-nya baik hati dalam perkara ini, tetapi apa yang berlaku itu berlaku juga lagi. Bila berlaku satu pilehan raya-kechil, Tuan Pengerusi, alat penerangan itu berkejar²-lah ka-tempat itu yang dahulu-nya tidak pernah ada penerangan. Saya teringat pilehan raya-kechil di-Rantau Panjang di-Kelantan, Tuan Pengerusi, Pegawai Penerangan Khas seluroh Tanah Melayu berhimpun berpuluh dan beratus berkejar ka-situ. Entah apa

yang hendak di-buat-nya di-situ, saya tidak tahu.

Itu-lah satu penyakit, penyakit Bahagian Penerangan ini yang patut diperhatikan, mudah²an dengan semangat baik daripada Pengarah Penerangan ini akan dapat menolar kapada orang² dia, kalau ta² dapat menolar, itu sakit juga.

Satu lagi berkenaan dengan siaran² daripada Jabatan Penerangan. Saya sudah tengok banyak benar siaran yang di-keluarkan daripada Jabatan Penerangan ini, barangkali Jabatan Khas atau Jabatan apa, ta² tahu-lah saya, ia-itu berkenaan dengan satu fatua daripada Mufti Trengganu, sa-olah² fatua Mufti Trengganu itu sudah menjadi satu benda yang begitu sakali mendapat perhatian yang berat daripada Kementerian Penerangan, ada-kah satu fatua yang di-keluarkan oleh sa-buah negeri itu menjadi tugas dan tanggung-jawab Jabatan Penerangan Pusat mengambil alih bagi mengeluarkan wang untuk menyebarkan fatua itu, atau pun memang terhad kapada sa-suatu negeri. Ini patut diperhatikan, jangan di-habiskan wang Kerajaan Pusat untuk kepentingan negeri², kalau hendak di-siarkan fatua daripada Mufti Negeri Trengganu umpama-nya, fatua² dari Mufti² lain mesti-lah di-siarkan, mithal-nya fatua Mufti Kelantan, apa salah-nya. Berkhidmat-lah untuk negeri² sebab duit ini pun duit kita semua sa-kali juga, Tuan Pengerusi, jangan-lah di-pileh² begitu. Ada yang sedap rasa di-tegok, kita rasa manis, lemak, kita telan; mana yang terasa pahit, kita ludah. Itu ta² boleh jadi, kalau hendak makan, makan-lah; pahit manis itu telan-lah.

Satu lagi berkenaan dengan muka 263 berthabit dengan Film Negara. Ada satu cherita luchu, Tuan Pengerusi, berlaku di-Kelantan. Satu unit daripada Film Negara ini masuk kadalam ranchangan tanah yang di-buka oleh Kerajaan Negeri Kelantan di-Sungai Pria. Mereka masuk itu pun dengan sa-chara diam² dengan tidak melalui saloran resmi, kemudian mengambil gambar pun di-tempat yang ta² menasabah di-ambil gambar, sebab ranchangan tanah itu ada kawasan untuk rumah, ada kawasan untuk menanam getah. Chara Kerajaan sana

menjalankan ia-lah di-bersehkan kawasan getah dahulu, kawasan rumah itu di-biarkan hutan dahulu buat sementara. Datang Film Unit ini di-ambil-nya kawasan yang di-untukkan buat kawasan rumah yang tidak bertebang lagi, pokok² hutan yang tumbuh dengan subur-nya. Kemudian mereka ambil gambar rumah² burok yang di-tepi itu yang ta' di-gunakan lagi, di-tabor-nya padi supaya ayam datang ramai; di-pasang-nya-lah lampu dan di-ambil gambar. Bila dapat tahu orang² dalam kawasan itu, Tuan Pengerusi, keluar-lah orang² kampung semua beramai² berkejaran hingga sampai Film Unit itu tadi bungkus tika bantal-nya dengan chepat, chabut lari keluar. Saya perchaya, barangkali pehak yang berkenaan di-sana sudah menghantar bantahan kepada Jabatan Penerangan. Saya keluarkan chakap ini kerana ini cherita luhu. Kalau bagini-lah chara-nya Jabatan Film Unit menjalankan kerja-nya dalam negeri yang tidak di-perintah oleh Kerajaan Pusat, ai mak leteh, leteh-lah democracy negeri ini di-buat oleh jabatan² yang tidak bertanggung-jawab di-bawah, Menteri² boleh jadi juga tidak bertanggung-jawab.

Muka 265—Penerangan Luar Negeri. Sampai sekarang saya dapat surat daripada kawan² saya dari luar negeri mengatakan penerangan² berkenaan dengan hal negeri ini tidak chukop; walau pun kita ada Kedutaan di-sana, ada Jabatan Khas berthabit dengan penerangan di-sana pun tidak chukop. Ini patut menjadi perhatian juga kepada pehak Kementerian yang berkenaan.

Muka 266, Pechahan Kepala 3—Pelajaran Tata-ra'ayat

Mr Chairman: Tadi kata, pendek sahaja!

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Pendek sahaja, Tuan Pengerusi. Ini hendak habis. Ini semua satu² perkara itu pendek² sahaja, Tuan Pengerusi.

Muka 266, Pechahan Kepala 3—Pelajaran Tata-ra'ayat. Pelajaran Tata-ra'ayat ini bagus, Tuan Pengerusi, tetapi apa yang berlaku di-negeri Kelantan pada sa-tengah² tempat yang

sangat menyedehkan, mithal-nya Pelajaran Tata-ra'ayat yang berlaku di-Balai Raya Gunong, satu tempat di-kawasan Bachok, kawasan Ahli Yang Berhormat dari Bachok, telah berlaku satu kejadian dalam mana pegawai² yang memberi kursus kepada Pelajaran Tata-ra'ayat itu terdiri daripada pegawai² pusat, yang telah mengambil kesempatan memberi propaganda tentang hal² politik di-dalam kursus tata-ra'ayat itu. Nampak-nya sa-mata² ditumpukan betul² pada masa dekat dengan pilehan raya kursus tata-ra'ayat itu di-adakan di-kampung² yang dianggap di-mana tempat yang dia boleh menchari pengaruh, di-chari-nya ketua² orang² kampung dan sa-bagai-nya supaya di-kumpulkan di-situ dan dimasukkan semangat politik. Bukan kursus tata-ra'ayat yang di-beri, umpama-nya memberi fahaman tentang kedudukan negeri dan sa-bagai-nya, tidak; sa-bahagian daripada-nya digunakan sa-bagai alat, atau sa-bagai kesempatan untuk menggunakan Majlis itu sa-bagai tempat menghentam parti² politik lawan dan mempropagandakan parti² politik yang lain. Ini sangat-lah tidak patut. Saya berasa dukachita bahawa Kementerian yang berkenaan ini kalau tidak di-ambil perhatian dalam perkara ini, saya berasa dukachita benar bahawa dengan terchachatnya sedikit dalam perkara ini, maka menyebabkan kebaikan nama Kementerian ini akan rosak sa-lama²-nya, dan democracy dalam negeri ini akan terancham oleh keadaan² yang tidak bertanggung-jawab.

The Assistant Minister of Labour and Social Welfare (Enche' V. Manickavasagam): Mr Chairman, Sir, I would just take a minute to reply to the Honourable Member for Ipoh who is not here at the moment.

Sir, I have been told that he accused me of having betrayed the community and asked your permission to speak in Tamil. Sir, I say that he is just trying to hoodwink this House and the Tamil speaking community of this country. Not long ago in this House, when the Honourable Minister of Works, Posts and Telecommunications wanted to quote just one phrase in Tamil, who objected to it? It was the Honourable

Member who objected to it in this august House and who is today championing the cause of the Tamils and who has asked your permission to speak in Tamil in this House. Today he asked your permission, Sir, to speak in Tamil knowing fully well that you would not allow him to speak. Sir, I know that the Honourable Member has not spoken a word in Tamil in any of public rallies and he always uses some one to translate his speeches. Well, if he has learnt any words, may be he has learnt a few words just to call ourselves as traitors and nothing else!

Mr Chairman: Order, order! The question as to whether the Honourable Member knows Tamil or not, is not the point in issue. It is not the subject matter which should be discussed here. That, you must understand. We are debating on the policy of the service for which the money is provided for. You are now going into the question of whether the Honourable Member knows Tamil or not. That is not a point in issue at all. I am not interested at all, and even the House is not interested in that!

Enche' V. Manickavasagam: Sir, I agree. But I am speaking under Head S. 28, and I will be very short. Since the Honourable Member has said it, Sir, I would challenge not only the Honourable Member for Ipoh but any Member in this House from the P.P.P. Bench to speak in public rallies in the Tamil language; (*Interruption*) and to see that he speaks not any bad language in Tamil but decent Tamil language as spoken by any decent Tamil. I say, Sir, that the Honourable Member for Ipoh and the P.P.P. Members are opportunists

Enche' D. R. Seenivasagam: You are!

Enche' V. Manickavasagam: Just because election is nearing, they are trying to use the Tamil language as an issue to get the votes.

Mr Chairman: Order, order! It is out of order to impute improper motives—that is laid down in the Standing Orders. I shall rule you out

of order if you try to impute improper motives against any Honourable Member in this House while I am in the Chair. Have you finished?

Enche' V. Manickavasagam: No, Sir, just one more line. As I have repeatedly said, the M.I.C. will always work for the benefit of the Indians and of all communities in this country. (*Applause*).

The Assistant Minister of Information and Broadcasting (Datu Mohamed Ismail bin Mohamed Yusof): Mr Chairman, Sir, I rise to reply to some of the points raised by Honourable Members in this House. First, I must thank you, Sir, for stopping two Honourable Members in this House from speaking Tamil, otherwise we would not be able to follow the arguments. (*Laughter*).

Mr Chairman: The Tamil language is not the official language of the House; that is understood. (*Laughter*). Please proceed.

Datu Mohamed Ismail bin Mohamed Yusof: Now, Sir, television has been a controversial subject in this House and the Honourable Member for Ipoh has brought up a point about Indian "air" time over Television Malaysia. Now, Sir, let me explain to this House that when we went on the air on the 28th December, the service was, in fact, a pilot one. We have the service of a low-powered transmitter covering an effective area of only ten to fifteen miles from Kuala Lumpur, and we are only operating on one channel. This is a completely new medium and there is, therefore, lack of trained technical personnel to operate the equipment. Furthermore, there is also lack of trained programme staff and together with the time required for the development of talent for this medium, it will be some time before local content programme of quality could be put out. At present there are limited facilities, but when more facilities become available and technicians and programme producers become proficient, it is the definite policy of the Government to develop local talents and have more "air" time for the Indian programme. It is because of

the shortage of personnel that we have to be modest in our Indian programme. It is, however, the Government's intention—and let me give this assurance—that when our News Division gets a further complement of staff the “air” time for Indian programmes will be increased.

Finally, Sir, I would like to mention that the philosophy of our programming is to cater for all tastes, not to keep each language programme in its own compartment. On the first day of our transmission, for instance, there was an Indian dance item by Miss Shanta and in the same week there was another Indian item performed by Mr Gopal Shetti. So, the whole idea of our television service is to provide current programme content—programmes that could be enjoyed by all communities irrespective of whether Chinese, Indians, Malays or otherwise.

The Honourable Member has also brought up the point about pamphlets not being printed in Tamil. To this I say I will look into it; and as my colleague has often said in this House, he has always been in constant consultation with me on matters pertaining to the rights of the Indians in this country. Let it be matters concerning television—he is always in touch with me and has been constantly requesting me to look into the interests of the Indians, particularly the question of pamphlets and things Indian.

Now, Sir, I come to the Honourable Member for Bachok. He raised the point about the post of Head of the Overseas Service, *Suara Malaysia*. Now, Sir, this post was advertised—applicants were invited to apply for the above post. As the post was urgently required to be filled, and in order to avoid the need to re-advertise the post later on, it was necessary to invite applications from both Federal Citizens as well as non-Federal Citizens. Consideration will be given first to Federal Citizens with the required qualifications and experience. When there is no suitable Federal Citizen available, then only will consideration be given to non-Federal Citizens. It is the intention of the Government to ensure that the Overseas Service is

run as efficiently as those of other Overseas Broadcasting organisations. In order to achieve this, it is therefore essential that the Head of such Overseas Service must be a man of considerable experience and one who has had working experience with an Overseas Service of a major broadcasting organisation. He must be in a position to assess the reaction to our overseas broadcast from the point of view of the overseas listeners; hence a person who has been in another broadcasting organisation would naturally be in a better position to do so. In the event that a Federal Citizen is not found to fill the post, then a non-Federal Citizen will be considered, in which case he will be employed only on contract; and he will not be filling the post permanently. It might be mentioned that at the moment the already overburdened Deputy Director is himself responsible for the Overseas Service, in view of his experience in Overseas Service work. This arrangement is not satisfactory and the situation has to be remedied; hence the need to fill the vacant post of Head, Overseas Service, immediately. Sir, although this post went to a non-Federal Citizen, he would be working under the Deputy Director, who is in charge of programming of the overseas broadcast. Therefore, there is no question of him having full control in the Overseas Broadcasting Department.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat . . .

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Mr Chairman, Sir, on a point of order, Standing Order 36 (4). The scheduled time has been exceeded.

Mr Chairman: Well, I can give some relaxation for that. Please proceed.

Datu Mohamed Ismail bin Mohamed Yusof: Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah membangkitkan berkenaan dengan pegawai² sementara yang bekerja dalam Jabatan Penerangan. Tuan Pengerusi, sa-memang menjadi dasar Kerajaan dalam Jabatan Penerangan itu bagi menchari ikhtiar untok pegawai² ini dapat di-beri kerja tetap dalam Jabatan Penerangan, tetapi

soal ini tentu memakan masa sedikit kerana kita terpaksa berhubung dengan beberapa pejabat yang mungkin sebelum jawatan² itu di-tentukan sebagai jawatan tetap dalam Pejabat Penerangan. Yang Berhormat ini juga telah membangkitkan soal tata ra'ayat, saya tidak-lah hendak menjawab kepada tiap² ahli yang telah membangkitkan soal kursus tata ra'ayat ini, chuma saya suka menjawab sa-chara general atau sa-chara umum kepada Ahli² Yang Berhormat itu ia-itu dasar Kerajaan bagi mengadakan kursus tata ra'ayat ini ia-lah supaya dapat Kerajaan menerangkan dasar² Kerajaan, dengan chara demikian dasar mengeluarkan fikiran dan pandangan dan pelajaran bagi orang² yang ada di-dalam kursus tata ra'ayat itu. Jadi, tentu-lah kadang² orang² itu, ia-itu orang² yang hadir di-dalam kursus itu, bukan sahaja orang² UMNO bahkan juga orang² PAS, orang² parti lain lagi seperti orang² Parti Rakyat, dan tentu-lah berbangkit soal² yang bersangkutan paut dengan politik. Jadi, manakala berbangkit soal itu, tentu-lah pegawai² yang menjalankan kursus itu terpaksa menerangkan, jadi manakala menerangkan bukan-lah dengan tujuan hendak menjatuhkan parti² yang lain, tetapi menerangkan keadaan yang sa-benar-nya perjalanan politik kita di-sini, dan juga chara demokrasi yang kita jalankan di-dalam negara kita ini. Bukan-lah sa-bagaimana yang di-tudoh oleh parti² pembangkang yang mengatakan bahawa kursus tata ra'ayat itu ada-lah sa-mata² untuk menerangkan dasar parti Perikatan dan sa-bagainya. Saya tahu dan saya pernah berjumpa dengan orang² yang mengambil bahagian di-dalam kursus itu berchakap dan berbual² dan mereka itu semua-nya telah menyatakan betapa puas hati-nya dengan kursus tata ra'ayat yang di-jalankan itu, dan mereka itu berasa yang mereka itu lebeh cherah pandangan dan fikiran sa-lepas menerima kursus tersebut, dan mereka itu telah mengaku sa-lama hari ini mereka itu telah di-bawa ka-jalan yang salah oleh parti² yang tidak sama dengan Kerajaan. Jadi, sa-lepas mengadakan kursus ini mereka itu faham, erti dan bersetuju dengan apa yang di-buat oleh Kerajaan Perikatan.

Jadi, ini tidak boleh di-salahkan kursus tata ra'ayat ini, tetapi ia-lah dengan sebab parti² pembangkang itu telah menerangkan perkara² yang tidak benar dan sa-lepas kursus itu mereka itu telah faham perkara² yang sa-benar-nya, mereka rasa mereka lebeh mengerti dan lebeh berpengalaman sa-lepas menerima kursus itu dan mengaku yang mereka itu tidak menyebelah kepada mana² pihak parti pun, tetapi menyebelah kepada kebenaran. Ini-lah sebab-nya barangkali parti PAS tidak berapa suka kita mengadakan kursus tata ra'ayat ini, kerana sa-lama ini mereka ada-lah di-dalam kegelapan dan sekarang bertukar dudok di-dalam tempat yang cherah, tempat yang boleh melihat keadaan² yang sa-benar, mengerti dan faham tujuan² Kerajaan pada hari ini.

Tuan Pengerusi, tentang peruntukan wang bagi kursus tata ra'ayat ini sunggoh pun sa-banyak \$45,000, tetapi saya suka-lah menyatakan, tiap² Kerajaan negeri itu ada peruntukan-nya bagi mengendalikan dan mengadakan kursus itu. Jadi, sunggoh pun wang itu tidak berapa banyak, Kerajaan negeri ada wang bagi menggunakan untuk kursus tata ra'ayat itu. Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah membangkitkan soal laporan Dewan melalui Radio Malaysia. Yang Berhormat itu menyatakan masa-nya 15 minit itu tidak cukup, dia minta supaya di-tambah lagi 15 minit, tetapi mengikut pengalaman siaran² sa-macham itu selalu-nya jika dipanjang²kan sangat akan menjemukan pendengar² yang mendengar-nya, dan sa-lain daripada itu bukan sahaja siaran ini melalui Radio, tetapi juga melalui akhbar², jadi ra'ayat negeri ini boleh-lah sa-lain daripada mendengar Radio, juga dapat membac² berita² yang di-keluarkan berkenaan dengan laporan Dewan Ra'ayat. Dalam hal ini saya suka menyatakan bahawa lebeh kurang satu jam 45 minit tiap² malam dalam masa Dewan Ra'ayat itu bersidang di-siarkan ia-itu melalui siaran Melayu 15 minit, siaran Inggeris 15 minit, siaran China 15 minit dan siaran Tamil 15 minit, China 4 jenis, jadi berma'ana satu jam, champor semua-nya satu jam 45 minit.

Sungguh pun begitu perkara ini saya akan timbangkan sama ada patut ditambah lagi masa-nya atau pun bagaimana yang di-kehendaki oleh Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Besut telah membangkitkan soal² supaya pendirian parti² pembangkang ini digunakan oleh Pejabat Penerangan bagi menerangkan kepada ra'ayat, saya suka menyatakan kepada Dewan ini bahawa Pejabat Penerangan ini adalah alat bagi Kerajaan menggunakan untuk menerangkan dasar² Kerajaan dan ranchangan² Kerajaan dan apa juga perkara yang mengelirukan ra'ayat dapat di-terangkan supaya ra'ayat dapat penerangan yang betul, bukanlah untuk di-gunakan bagi menerangkan pendirian parti pembangkang, kerana selalu-nya parti pembangkang ini mengeluarkan fikiran dan pandangan yang mengelirukan sa-mata² boleh membawa kepada jalan salah kepada ra'ayat. Oleh yang demikian Kerajaan tidak dapat menggunakan Pejabat Penerangan untuk menerangkan pendirian parti² pembangkang baik atas apa soal sa-kali pun.

Dr Burhanuddin bin Mohd. Noor: (rises) . . .

Mr Chairman: Dia minta kebenaran: hendak beri atau tidak?

Datu Mohamed Ismail bin Mohamed Yusof: Masa sedikit sangat; tetapi, boleh-lah.

Dr Burhanuddin bin Mohd. Noor: Kalau sudah di-salahkan kepada parti pembangkang, biar-lah ra'ayat tahu apa-kah kata parti pembangkang itu, supaya dapat ra'ayat itu menimbangkan; ini tidak keluar pun; yang keluar soal² Kerajaan sahaja; dan tidak di-keluarkan apa chakap pembangkang; kalau semua itu di-keluarkan dapat-lah ra'ayat menimbangkan dan baharu-lah berkembang demokrasi.

Datu Mohamed Ismail bin Mohamed Yusof: Soal-nya bukan dapat di-timbangkan, soal-nya mengelirukan ra'ayat, jadi kerja² Kerajaan terpaksa bertambah untuk hendak membetulkan pula perkara² yang telah di-kelirukan oleh parti pembangkang (*Tepok*).

Berkenaan dengan soal kekuatan siaran, barangkali Yang Berhormat itu menunjukkan kepada Terengganu, disana barangkali tidak berapa kuat siaran Radio. Di-sini saya suka-lah menerangkan bahawa dalam ranchangan ini Development Estimates tahun 1964 yang akan kita bincangkan ada peruntukan bagi menguatkan lagi siaran bagi kawasan Terengganu.

Berkenaan dengan siaran iklan perniagaan saya suka menerangkan bahawa, umpama-nya siaran iklan menjual rokok yang Ahli Yang Berhormat itu telah bangkitkan, ia-itu dasar siaran iklan di-radio itu ia-lah bukan-nya menyuruh orang yang tidak hisap rokok itu menghisap rokok, chuma siaran² iklan itu menarek orang yang hisap rokok umpama-nya rokok Craven A suroh hisap rokok Lucky Strike. Jadi, kepada orang yang hisap rokok-lah di-suruh hisap rokok lain, bukan-nya orang yang tidak hisap rokok itu minta hisap rokok. Jadi, tuduhan Ahli Yang Berhormat itu tidak betul sa-bagaimana yang di-sebutkan-nya itu.

Berkenaan dengan talivishen saya telah beberapa kali baik dalam Dewan ini atau pun di-luar telah menyatakan bahawa dasar Kerajaan ada-lah menjalankan programme siaran talivishen supaya boleh membangun dan menghidupkan baik kebudayaan, tata-tertib, keperibadian nasional kita dan sa-bagai-nya. Dan saya suka menerangkan kepada Dewan ini bahawa talivishen ia-lah satu instrument yang banyak makan belanja. Bukan-lah begitu mudah sahaja kita hendak adakan programme ini dan itu. Dengan sebab itu talivishen mana² negeri sa-kali pun terpaksa menyewa filem² dari luar negeri. Jadi tentu-lah dalam permulaan talivision service ini menggunakan filem dari luar negeri. Negeri² yang lebih maju dalam hal-ehwal talivishen ini pun sa-hingga hari ini maseh menggunakan filem² dari luar negeri. Bertambah pula kita baharu sahaja mengadakan talivision service, jadi mustahak-lah pada permulaan-nya menggunakan filem dari luar negeri. Sungguh pun begitu, saya suka menyatakan di-sini bahawa filem dari luar negeri itu ada-lah filem yang

telah pun di-tapis oleh Lembaga Penapis Filem Kerajaan yang sa-memang ada untok menapis filem² itu. Jadi, tentu-lah filem² sa-bagai-mana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat dari Port Dickson ia-itu filem² sex, crime dan lain² tidak akan kita tunjukkan dalam talivision service kita kerana itu telah pun di-tapis.

Ahli² Yang Berhormat dari Sabah telah pun meminta supaya talivision service ini di-panjangkan ka-Sabah dan Sarawak. Tentu-lah sa-sabuah negara yang maju berkehendakkan dari satu masa ka-satu masa kemajuan itu di-bawa, bukan sahaja di-Malaya atau pun di-Singapura bahkan juga di-Sabah dan Sarawak, tetapi ini tentu-lah memakan masa yang panjang sedikit lagi pun di-Sabah dan Sarawak tentu-lah berkehendakkan ranchangan² yang mustahak dahulu di-jalankan terutama sekali ranchangan luar bandar, umpama-nya, pelajaran, jalan raya dan sa-bagai-nya. Kalau kita bawa talivishen pada hari ini ka-Sabah dan Sarawak saya rasa tidak kena pada dasar-nya oleh kerana kita mesti beri apa yang mustahak (priority) itu-lah di-beri dahulu. Tetapi sungguh pun begitu, saya rasa dalam masa hadapan tentu-lah talivishen ini akan sampai ka-Sabah dan Sarawak (Tepok).

Yang Berhormat dari Dungun telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan Radio Malaysia ia-itu sandiwara radio, ranchangan apa hendak masak dan sa-bagai-nya. Perkara ini saya biasa menjawab pada tahun sudah, tetapi boleh saya terangkan lagi sa-kali. Yang Berhormat itu bangkitkan sandiwara radio itu diselitkan soal konfrantasi, kata-nya, ini tidak berapa baik kerana kanak² yang mendengar-nya itu tentu-lah tidak menjadi faedah kapada-nya. Saya suka menyatakan bahawa sandiwara radio itu selalu di-siarkan pada waktu lewat malam, dan saya tidak tengok patut-nya kanak² pada masa itu maseh lagi dudok di-hadapan radio-nya mendengar sandiwara yang sa-macham itu, dan tentu-lah ibubapa yang selalu menjaga anak-nya tidak akan memberi anak-nya mendengar sandiwara radio hingga tengah

malam; maka sa-lain daripada itu sa-memang ada di-Radio Malaysia itu ranchangan bagi kanak².

Berkenaan dengan ranchangan apa hendak masak hari ini yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat dari Dungun itu, saya suka menerangkan ranchangan ini sangat-lah di-gemari oleh kaum ibu kita, dan memandangkan daripada surat² yang di-terima oleh Radio Malaysia dari satu masa ka-satu masa ranchangan apa hendak masak hari ini mendapat sambutan yang hangat dari kaum ibu. Jadi, saya tidak faham mengapa-kah Yang Berhormat itu sendiri membantah dan tidak berapa suka tentang ranchangan ini. Sa-lain daripada itu, saya suka menyatakan siaran rumah-tangga untok kaum ibu sa-memang pun dibuat pada tiap² hari melalui Radio Malaysia.

Yang Berhormat dari Lipis telah membangkitkan soal filem negara diminta supaya di-banyakkan lagi filem² ini. Perkara ini boleh-lah saya memberi pengakuan kapada Yang Berhormat itu sa-memang menjadi dasar Kerajaan ini membanyakkan filem² yang boleh memberi faedah kapada penduduk² negeri ini melalui Jabatan Penerangan dan juga boleh di-gunakan bagi talivishen. Berkenaan dengan pegawai sementara itu saya telah pun menjawab-nya tadi. Sa-lain daripada itu Yang Berhormat itu membangkitkan kereta jabatan penerangan. Kereta jabatan penerangan itu saya mengaku ada sa-tengah daripada sa-tengah-nya kereta lama dan burok, tetapi Kerajaan manakala di-dapati kereta itu tidak dapat di-gunakan akan mengambil langkah menukar kereta yang baharu ia-itu mengikut dari satu masa ka-satu masa supaya Jabatan Penerangan kita itu dapat menjalankan kerja² dan tugas²-nya dengan sempurna dan baik.

Berkenaan dengan soal mengadakan lagu² yang bersemangat itu, saya sendiri mengambil berat supaya menjalankan ikhtiar ia-itu dengan mengadakan peraduan² lagu dan juga melalui Radio Malaysia Orchestra dan badan² musik dan sa-bagai-nya supaya menggalakkan dan menchipta lagu²

kebangsaan, atau pun lagu² yang bersemangat ini, dan tuan² boleh-lah dari satu masa ka-satu masa mendengar lagu² yang baharu, lagu² yang baik dan ini saya perchaya dalam sadikit masa lagi dapat kita mengadakan dengan banyak-nya.

Berkenaan dengan warta berita hendak di-panjangkan dari 10 minit kapada 15 minit itu, perkara ini saya akan timbangkan.

Sa-lain daripada itu, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah membangkitkan berkenaan dengan soal siaran perniagaan yang mana kata-nya siaran perniagaan ini mengganggu siaran warta berita dan sebagainya-nya. Yang saya dapat ketahui sa-lama ini belum pun ada satu komplemen yang di-terima oleh Jabatan Siaran Radio berkenaan dengan gangguan lagu siaran perniagaan, sa-belum warta berita, atau pun sa-lepas warta berita, dan sa-lain daripada itu saya suka menyatakan bahawa siaran iklan perniagaan ini sa-belum daripada warta berita dan sa-lepas daripada warta berita itu ada-lah membayar harga mahal bagi membeli iklan itu ia-itu dua kali ganda daripada iklan² yang di-siarkan pada lain masa. Jadi, itu-lah sebab-nya kita menjualkan masa iklan ini supaya memberi faedah kapada pendapatan (revenue) Kerajaan.

Berkenaan dengan alat musik yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, alat² musik sa-lain daripada menukarkan perkakas² yang burok kapada yang baharu, juga Radio Malaysia ini ada-lah di-perbesarkan, kita hendak memperbesarkan dari satu masa ka-satu masa, dan pada hari ini banyak-lah kita telah mengambil ahli² musik yang baharu, jadi terpaksa-lah kita membeli alat² yang baharu, maka dengan sebab itu-lah perbelanjaan berkenaan dengan alat² musik ini di-tambah.

Atas soal siaran daerah Kelantan. Saya suka menyatakan bahawa siaran daerah Kelantan ini ia-lah satu rancangan yang baharu di-jalankan ia-itu dengan kehendak dan kemahuan orang² Kelantan sendiri dan daripada surat² yang di-terima oleh Jabatan

Siaran Radio ini menunjukkan bahawa siaran ini ada-lah chukup popular sa-kali, terutama sa-kali bagi orang² kita yang dudok di-ulu² yang jauh² daripada bandar. Mereka ini sa-lama hari ini tidak berapa begitu faham tentang siaran² yang di-siarkan daripada Kuala Lumpur, dan pada hari ini manakala siaran itu di-siarkan dalam loghat Kelantan maka di-dapati siaran itu telah mendapat sambutan yang baik.

Tentang berzikir barat yang mengeluarkan pantun, nyanyian dan sebagainya-nya, ini ada-lah sesuai dengan perasaan orang² Kelantan, dan saya ta' dapat hendak tahankan. Kalau ada perasaan mereka yang marahkan kapada Kerajaan PAS di-Kelantan, saya ta' boleh hendak kata apa² sebab itu ada-lah perasaan orang² Kelantan sendiri. Kalau mereka puji Kerajaan Perikatan, mereka marah kapada Kerajaan PAS, itu perasaan dan hasrat hati yang di-kemukakan melalui zikir barat. Jadi, ta' dapat-lah saya hendak tahankan, chuma saya boleh-lah tolong nasihatkan supaya jangan-lah sangat² kalau hendak marah pada Kerajaan Kelantan itu . . .

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Pengerusi, kalau sa-kiranya ada gulungan yang berzikir barat untuk melepaskan perasaan-nya kerana menyokong Kerajaan Perikatan dan benchikan Kerajaan PAS, boleh-kah tidak pihak Kementerian ini membenarkan pula ada pasokan berzikir barat yang memuji Kerajaan PAS dan menghentam Kerajaan Perikatan.

Mr Chairman: Jangan-lah sentoh fasal itu lagi!

